

PERCUMA



PERMOHONAN PEMBAHARUAN MAKLUMAT NAMA SYARIKAT/ALAMAT

SEKTOR: Perkilangan Pembinaan Perladangan Pertanian Perkhidmatan
 Perlombongan dan Kuari

1. Nama Syarikat : _____
2. *Nama Syarikat (baru) : _____
2. No. Pendaftaran Syarikat : _____
3. Alamat Surat Menyurat (Lama): _____

4. No. Telefon : _____ No. Faks : _____
Email Syarikat : _____
6. **Alamat Surat Menyurat (Baru): _____

*Jika memohon pertukaran nama syarikat

**Jika memohon pertukaran alamat

Permohonan yang tidak lengkap, tidak teratur dan tidak menepati kriteria yang telah ditetapkan akan DITOLAK.

Dengan ini saya membuatakuan bahawa segala maklumat yang diberikan dan salinan dokumen yang dikembarkan adalah benar dan sah. Permohonan akan terbatal dengan sendirinya dan tindakan undang-undang boleh diambil sekiranya maklumat yang diberikan didapati palsu.

.....
Tandatangan Pengarah/Majikan
Nama :
Jawatan :
No. K/P :

(Cop syarikat)

Untuk Kegunaan Pejabat :

Dokumen lengkap Dokumen tak lengkap

Catatan:

.....
Tandatangan Pegawai Bertugas

Nama & Jawatan :

TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PEMBAHARUAN MAKLUMAT NAMA SYARIKAT/ALAMAT**Syarat-syarat Permohonan Pembaharuan Maklumat Nama Syarikat/Alamat.**

1. Permohonan Pembaharuan Maklumat Nama Syarikat bertujuan mengemaskini Nama Syarikat untuk urusan berkaitan pekerja asing di Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).
2. Bagi Permohonan Pembaharuan Maklumat Nama Syarikat, majikan perlu mengemukakan salinan sijil maklumat perubahan nama syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
3. Permohonan Pembaharuan Maklumat Alamat Syarikat adalah bertujuan untuk mengemaskini alamat surat-menyerat bagi ibu pejabat sahaja dan mana-mana surat kelulusan bersyarat yang didaftarkan atas alamat ibu pejabat sahaja.
4. Bagi Permohonan Pembaharuan Maklumat Alamat Syarikat, majikan perlu mengemukakan Salinan Lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Perjanjian sewa atau perjanjian jual beli premis yang dimatikan setem dan Salinan Geran Pemilik Tanah/Bangunan yang disewa (bagi alamat baru), dan Bil Elektrik Asal (*Original Copy*).
5. Majikan lama perlu mengisi borang Permohonan Pembaharuan Maklumat Nama Syarikat/Alamat dengan lengkap dan mengemukakan dokumen permohonan kepada Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN. Sekiranya permohonan yang dikemukakan tidak lengkap, tidak teratur dan tidak menepati kriteria yang telah ditetapkan, KDN berhak menolak terus permohonan tersebut.
6. Majikan yang didapati mengemukakan dokumen palsu dengan niat untuk menipu pihak kerajaan boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut jenis kesalahan yang dilakukan.

MAKLUMAT LANJUT / PENGHANTARAN :-

Tempat : Pusat Kelulusan Setempat (OSC)
Bahagian Pengurusan Pekerja Asing
Kementerian Dalam Negeri
Aras 5, Blok D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA
03 – 88852940 / 88852800

Waktu Urusan: 8.30 pagi sehingga 5.00 petang (Isnin – Jumaat)

PERCUMA

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN MAKLUMAT NAMA SYARIKAT/ALAMAT

BORANG DAN SALINAN DOKUMEN-DOKUMEN sokongan hendaklah dijilidkan menggunakan **COMB BINDING** **MENGIKUT SUSUNAN SENARAI SEMAK** di bawah:-

a) DOKUMEN WAJIB

1.	Borang yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh Pengarah/Majikan sahaja.
2.	Sijil Pendaftaran Syarikat / Perniagaan – Borang 9, 13, 24 & 49 atau Form B & D atau lain- lain borang yang berkaitan (MYDATA) (Terkini dan disahkan dalam tahun semasa/dicetak SSM beserta Resit Bayaran pengesahan berkenaan); ATAU Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan senarai nama Ahli Lembaga Pengarah (Terkini dan disahkan oleh SKM)
3.	Salinan Surat Kelulusan Bersyarat DAN resit bayaran levi yang didaftarkan pada alamat lama yang masih mempunyai pekerja asing yang aktif.
4.	Salinan bil elektrik bagi alamat baharu. Mohon bawa bersama bil elektrik asal (<i>original copy</i>) bagi tujuan pengesahan sewaktu penghantaran dokumen di kaunter OSC, KDN.
5.	Perjanjian sewa atau perjanjian jual beli premis yang dimatikan setem dan Salinan Geran Pemilik Tanah/Bangunan yang disewa bagi alamat baharu.
6.	Salinan Lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Lesen Pengilang (MITI) atau lain-lain lesen yang berkaitan.

b) DOKUMEN TAMBAHAN BAGI WAKIL SYARIKAT/ AGENSI PEKERJAAN SWASTA

1.	Syarat-Syarat Bagi Wakil Syarikat: i. Salinan Kad Pengenalan wakil syarikat. ii. Salinan Penyata Caruman KWSP (3 bulan terkini). Surat pengesahan sebagai wakil majikan (Ditandatangani oleh Pengarah/Pemilik).
2.	Syarat-Syarat Bagi Wakil Agensi Pekerjaan Swasta (APS): i. Salinan Kad Pengenalan wakil agensi. ii. Salinan kad kuasa APS yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). iii. Surat pelantikan APS oleh majikan (Ditandatangani oleh Pengarah/Pemilik).